

Dr. Mahathir tubuh Majlis Tindakan Ekonomi

UM- 12/2/2019
m/s: 3

PUTRAJAYA 11 Feb. - Kerajaan hari ini mengumumkan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi bertujuan meneliti serta membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi dan kewangan serta kebijakan rakyat.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan memberitahu, majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad itu terdiri daripada 16 ahli merangkumi beberapa menteri Kabinet, tokoh-tokoh ekonomi serta pemimpin-pemimpin industri.

"Majlis ini ditubuhkan bagi menyahut dan bertindak atas maklum balas rakyat terhadap masalah yang mereka hadapi, khususnya dalam bidang ekonomi.

"Matlamat utama Majlis ini adalah untuk merancang dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan kekayaan yang saksama, dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat," jelas Pejabat Perdana Menteri.

Dr. Mahathir sebelum ini memberitahu kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu badan yang akan meneliti dan membuat keputusan berhubung ekonomi negara seperti peranan yang pernah dijalankan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebelum ini.

Beliau berkata, kerajaan memastikan semua masalah ekonomi rakyat dan negara akan dibawa kepada majlis tersebut.

Dalam pada itu, Pejabat Perdana Menteri menjelaskan, majlis tersebut juga akan meneliti isu-isu berkaitan kos sara hidup,

INFO

Ahli-ahli Majlis Tindakan Ekonomi

»Pengerusi

Tun Dr. Mahathir Mohamad
Perdana Menteri

»Datuk Seri Mohamed Azmin Ali
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

»Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

»Darrell Leiking
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

»Baru Bian
Menteri Kerja Raya

»Dr. Muhammed Abdul Khalid
Penasihat Ekonomi Perdana Menteri

»Tan Sri Rafidah Aziz
Bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

»Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi Permodalan Nasional Bhd. (PNB)

»Prof. Jomo Kwame Sundaram
Ahli Majlis Penasihat Kerajaan

»Tan Sri Tay Ah Lek
Pengarah Urusan Public Bank

»Dr. Hasnita Hashim
Pengerusi Majlis Amanah Rakyat

»Datuk Shireen Ann Zaharah Muhiudeen
Pengerusi Bursa Malaysia

»Tan Sri Dr. Mohd. Munir Abdul Majid
Pengerusi ASEAN Business Advisory Council, Malaysia

»Datuk Dr. Paul Selvaraj
Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA

»Bah Tony @ Amani William Hunt Abdullah
Peguam

»Nizam Mahshar
Ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut MASA Ex-MTEM

guna tenaga, kemiskinan dan pemilikan rumah.

Katanya, pelantikan ahli-ahli majlis terlibat berkuatkuasa serta-merta.

"Sekretariat bagi majlis ini adalah Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri," jelas kenyataan tersebut.